

**DANA PENDIDIKAN ISLAM (IEF)**

Dana Pendidikan Islam atau Islamic Education Fund (IEF) merupakan geran subsidi untuk aLIVE / Madrasah-Masjid separuh masa. Ia dilancarkan pada tahun 2004 dengan objektif utama seperti berikut:

- Untuk meluaskan jangkauan kepada golongan muda Islam dan untuk memastikan masalah kewangan keluarga bukan penghalang untuk mendapatkan pendidikan Islam
- Untuk membangunkan sistem pendidikan Islam yang berkualiti melalui program-program di madrasah masjid, asatizah yang terlatih dan kemudahan masjid yang lengkap.

Sejak pelancarannya, lebih dari 2000 orang pelajar, 500 guru dan 27 pusat aLIVE / Madrasah Masjid telah mendapat manfaat daripada dana IEF setiap tahun melalui subsidi yuran madrasah, geran infrastruktur untuk madrasah masjid dan juga pembiayaan untuk pelbagai program di madrasah masjid.

	Kategori	Jenis Geran	Keterangan / Kriteria	Jumlah Subsidi
1	Dana Untuk Keluarga	Geran Pelajar Memerlukan	Bagi keluarga berpendapatan per kapita (PCI) \$0-\$500 sebulan.	Subsidi yuran maksima sebanyak \$300/pelajar setiap tahun DAN Subsidi sehingga 90% dari yuran rampaian (buku, uniform, dan lain-lain) dihadkan sebanyak \$100/pelajar setiap tahun
2		Geran Sokongan Keluarga	Bagi keluarga berpendapatan per kapita (PCI) \$501-\$750 sebulan DAN mempunyai 2 atau lebih orang anak yang mendaftar di Madrasah-Masjid.	Subsidi dua bulan pembayaran yuran dengan jumlah maksima \$30/bulan bagi setiap pelajar setiap tahun.

**\*Contoh Perkiraan Gaji Per Kapita (PCI) Bulanan**

Contoh:

$$\frac{\text{(Jumlah Keseluruhan Gaji Kasar Bulanan) } \$1500}{\text{(Jumlah Anggota Keluarga Serumah) } 5 \text{ orang}} = \$300 \text{ (Gaji Per Kapita Bulanan)}$$

Borang permohonan IEF boleh dimuat turun di laman web [www.alive.sg](http://www.alive.sg)

Borang yang telah diisi boleh dihantar terus ke pejabat madrasah masjid anak anda.

Untuk pertanyaan lebih lanjut, sila emel kepada [Sarah ALI RAHMAN@muis.gov.sg](mailto:Sarah_Ali_Rahman@muis.gov.sg) atau hubungi madrasah masjid terdekat.

UNIT STRATEGIK PENDIDIKAN BELIA